

SULIT

Tasawwur
Islam
Tingkatan
Lima
Pertengahan
Tahun
Kertas 2
Mei 2018
2 ½ Jam



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
CAWANGAN KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN
TINGKATAN LIMA
2018**

**PERATURAAN PEMARKAHAN
TASAWWUR ISLAM KERTAS 1 dan 2**

Untuk kegunaan pemeriksa sahaja

RUBRIK JAWAPAN**SKIMA SOALAN KERTAS 1
BAHAGIAN A**

- | | | | | | | | | | |
|-----|---|-----|---|-----|---|-----|---|-----|---|
| 1. | D | 2. | A | 3. | C | 4. | B | 5. | C |
| 6. | A | 7. | B | 8. | C | 9. | D | 10. | D |
| 11. | D | 12. | A | 13. | C | 14. | A | 15. | B |
| 16. | D | 17. | B | 18. | D | 19. | C | 20. | A |

BAHAGIAN B

- 21 Zakat
22 Muamalah
23 Monopoli
24 Perundangan Islam
25 Hak Milik
26 Halal
27 Mujtahid
28 Mukalaf
29 X
30 X
31 X
32 ✓
33 Wadiah
34 Mudharabah
35 Musyarakah
36 Arrahnu
37 Kanak-kanak yang belum baligh / anak yatim yang belum baligh
38 Kanak-kanak yang belum baligh/ anak yatim yang belum baligh
39 Harta boleh alih
40 Harta tak boleh alih

SKIMA KERTAS 2

Soalan		Isi [1 markah]	Huraian [1 markah]	Huraian Lanjut [1 markah]	Kesimpulan [1 markah]
1	(a)	(i)	Pengertian harta menurut Islam ialah		
			Harta merupakan anugerah Allah SWT kepada manusia melalui usaha dan ikhtiar mereka sendiri. (1 isi x 2 m = 2 markah)		
		(ii)	Dua sebab Allah SWT mengamanahkan harta kepada manusia		
			1. Supaya manusia menguruskan sumber harta dengan sebaik-baiknya, seperti yang telah ditetapkan oleh Allah SWT 2. Supaya manusia tidak terlalu sompong dengan harta yang dimilikinya kerana ianya sebenarnya adalah milik mutlak Allah SWT 3. Supaya manusia tidak menggunakan harta yang di miliki secara membazir dan sia-sia sebagai tanda kesyukuran kepada nikmat Allah SWT (2 isi x 1 m = 2 markah)		
	(b)		Dua peranan harta terhadap individu ialah		
			1. Harta sebagai alat untuk merapatkan hubungan sesama manusia. Contohnya dengan mengeluarkan sedekah atau derma akan mengeratkan hubungan antara golongan miskin dengan kaya 2. Harta sebagai alat untuk beribadat kepada Allah SWT seperti menunaikan ibadat Haji, Zakat dan sedekah 3. Harta sebagai alat untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa dan memenuhi segala keperluan hidup dengan sempurna (2 isi x 2 m = 4 markah)		
	(c)		Dua bentuk ujian Allah SWT terhadap keluarga		
			1. Allah menguji mereka dengan ditimpa bencana seperti bencana alam , kebakaran dan lain-lain yang memusnahkan harta mereka 2. Harta yang dimiliki menjadikan mereka sompong dan angkuh dengan masyarakat 3. Mereka membelanjakan harta secara batil dan kepada perkara yang tidak direhdai seperti berjudi dan sebagainya 4. Allah SWT memudahkan lagi jalan untuk mendapatkan harta dengan senang dan banyak 5. Kesibukan mencari harta hingga mereka lupa kepada tanggungjawab terhadap Allah SWT seperti solat, zakat dan sebagainya. (2 isi x 2 m = 4 markah)		
	(d)	(i)	Cara saya menguruskan harta jika tersenarai bersama orang yang terkaya di atas		
			Menggunakan harta untuk faedah orang ramai	yang boleh memberi kemudahan kepada mereka	seperti membina masjid Dengan itu masyarakat dapat hidup dengan lebih sempurna
			Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (1 isi x 1m, 1 huraian x 1m, 1 huraian tambahan x 1 m, 1 kesimpulan x 1 m = 4 m)		
		(ii)	Kesan mengabaikan tanggungjawab terhadap harta.		
			Akan melahirkan masyarakat mementingkan diri sendiri	tanpa memperdulikan nasib orang lain	seperti enggan mengeluarkan zakat Dengan itu nasib golongan miskin tidak

Soalan		Isi [1 markah]	Huraian [1 markah]	Huraian Lanjut [1 markah]	Kesimpulan [1 markah]	
					terbela	
Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (1 isi x 1m, 1 huraian x 1m, 1 huraian tambahan x 1 m, 1 kesimpulan x 1 m = 4 m)						
2	(a)	(i)	Dua jenis harta menurut Islam ialah			
			1. Harta boleh alih seperti wang 2. Harta tidak boleh alih seperti tanah (2 isi x 1m = 2 markah)			
		(ii)	Dua peraturan dalam pemilikan harta menurut Islam			
			1. Membelanjakan harta yang dimiliki dengan berhemah dan bijak serta tidak membazir seperti untuk membeli keperluan hidup 2. Mengembangkan harta tersebut mengikut syariat seperti melabur dalam saham-saham yang dibenarkan oleh syarak 3. Mengeluarkan zakat apabila cukup syarat-syaratnya (2 isi x 2 m = 4 markah)			
	(b)		Dua tujuan Allah SWT membataskan hak milik pada manusia			
			1. Untuk mengelakkan manusia daripada berasa sompong dan terlalu mencintai harta 2. Menyedarkan manusia bahawa di dalam harta mereka, terdapat hak orang lain yang mesti dikeluarkan, seperti hak orang miskin, anak yatim dan kaum keluarga 3. Untuk menjadikan manusia sentiasa bersyukur dan tidak terlalu kecewa jika harta mereka diperlukan untuk kepentingan awam seperti pembinaan hospital, sekolah dan sebagainya. (2 isi x 2 m = 4 markah)			
	(c)	(i)	Dua peranan harta dalam kehidupan manusia			
			1. Harta sebagai alat untuk merapatkan hubungan sesama manusia. Contohnya dengan mengeluarkan sedekah atau derma akan mengeratkan hubungan antara golongan miskin dengan kaya 2. Harta sebagai alat untuk beribadat kepada Allah SWT seperti menunaikan ibadat haji, zakat dan sedekah 3. Harta sebagai alat untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa dan memenuhi segala keperluan hidup dengan sempurna (2 isi x 2 m = 4 markah)			
	(d)	(i)	Dua golongan yang tidak layak menguruskan harta selain daripada kanak-kanak			
			1. Anak yatim yang belum mencapai umur dewasa 2. Orang safih iaitu orang yang terencat akal atau lemah akal 3. Orang gila atau orang yang tidak siuman 4. Hamba sahaya (2 isi x 1 m = 2 markah)			
		(ii)	Sebab Islam melarang golongan tersebut daripada menguruskan harta mereka sendiri.			
			mereka belum capai kematangan berfikir	jadi mereka akan mudah ditipu	oleh golongan yang ingin mengambil kesempatan	Kesannya akan membahaya kan diri dan keselamatan golongan tersebut
Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (1 isi x 1m, 1 huraian x 1m, 1 huraian tambahan x 1 m, 1 kesimpulan x 1 m = 4 m)						
3	(a)	(i)	Maksud merosakkan harta ialah			

Soalan		Isi [1 markah]	Huraian [1 markah]	Huraian Lanjut [1 markah]	Kesimpulan [1 markah]
		Merosakkan harta bermaksud membelanjakan harta kepada perkara-perkara yang tidak memberikan manfaat kepada pemiliknya atau orang lain. Contohnya membazir, boros dan kedekut (1 isi x 2 m = 2 markah)			
	(ii)	Dua perkara yang boleh merosakkan harta alah			
		1. Membelanjakan harta secara tidak berhemat seperti membazir 2. Merosakkan kemudahan awam seperti perhentian bas, telefon awam sekolah, tandas awam dan sebagainya 3. Kedekut untuk membelanjakan harta kepada perkara kebaikan (2 isi x 2 m = 4 markah)			
(b)	(i)	Sebab manusia mencerobohi harta orang lain			
		Wujudnya perasaan tamak dan ingin cepat kaya	tanpa melakukan usaha yang lebih	seperti menipu untuk mendapatkan harta	Kesannya mereka tidak peduli kepada kesusahan orang lain
		Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (1 isi x 1m, 1 huraian x 1m, 1 huraian tambahan x 1 m, 1 kesimpulan x 1 m = 4 m)			
	(ii)	Perkara yang perlu dilakukan untuk mengatasi masalah tersebut			
		Memberikan pendidikan agama	yang secukupnya kepada masyarakat	untuk memantapkan iman secara berterusan	
		Membuat laporan kepada pihak tertentu	jika terdapat pencerobohan harta	untuk di ambil tindakan yang sewajarnya	
		Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (2 isi x 1m, 2 huraian x 1m, 2 huraian tambahan x 1 m = 6 m)			
	(iii)	Dua kesan pencerobohan harta terhadap masyarakat			
		1. Berlakunya penindasan dan kezaliman dimana keadilan tidak dapat ditegakkan dalam masyarakat 2. Melahirkan masyarakat yang bersifat mementingkan diri sendiri. (2 isi x 2 m = 4 markah)			
4	a	Dua ciri muamala Islam			
		1. Menjadikan harta sebagai alat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT 2. Menggalak melakukan kebajikan dalam bermuamalah 3. Mengelak pembaziran dalam perniagaan (2 isi x 1m = 2 markah)			
	(b)	Dua matlamat uamalah Islam			
		1. Supaya manusia dapat saling mengenali sesama sendiri 2. Supaya manusia dapat saling tolong menolong 3. Supaya manusia dapat saling berhubung sesama mereka 4. Supaya manusia dapat menikmati kurniaan Allah SWT dengan lebih adil (2 isi X 2 markah = 4 markah)			
	(c)	(i) Dua bukti konsepa at-taawun terdapat dalam sistem gadaian Islam (ar-rahn)			
		1. Pemegang gadai dapat membantu pengadai yang menghadapi masalah kewangan untuk mendapatkan wang tunai dengan segera. 2. Dapat membantu golongan yang kesempitan wang tunai agar dapat memenuhi keperluan hidupnya untuk mendapatkan wang dengan segera. (2 isi X 2 markah = 4 markah)			
	(ii)	(ii) Dua perbezaan antara sistem muamalah Islam dengan sistem konvensional			

Soalan		Isi [1 markah]	Huraian [1 markah]	Huraian Lanjut [1 markah]	Kesimpulan [1 markah]												
		<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th><th>Muamalah Islam</th><th>Konvensional</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>Bebas daripada riba dan penindasan</td><td>Berasaskan kepada sistem riba</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>Melaksanakan syariah Islam dalam urusan perniagaan</td><td>Hukum halal dan haram tidak diambil kira</td></tr> <tr> <td>3.</td><td>Menggalakkan manusia supaya melakukan kebajikan seperti bersedekah, menderma dan sebagainya</td><td>Lebih mengutamakan keuntungan semata-mata</td></tr> </tbody> </table>		Bil	Muamalah Islam	Konvensional	1.	Bebas daripada riba dan penindasan	Berasaskan kepada sistem riba	2.	Melaksanakan syariah Islam dalam urusan perniagaan	Hukum halal dan haram tidak diambil kira	3.	Menggalakkan manusia supaya melakukan kebajikan seperti bersedekah, menderma dan sebagainya	Lebih mengutamakan keuntungan semata-mata		
Bil	Muamalah Islam	Konvensional															
1.	Bebas daripada riba dan penindasan	Berasaskan kepada sistem riba															
2.	Melaksanakan syariah Islam dalam urusan perniagaan	Hukum halal dan haram tidak diambil kira															
3.	Menggalakkan manusia supaya melakukan kebajikan seperti bersedekah, menderma dan sebagainya	Lebih mengutamakan keuntungan semata-mata															
(2 isi X 2 markah = 4 markah)																	
(d)		Tujuan Islam menyediakan pelbagai jenis muamalah kepada umat Islam															
		Untuk keselesaan dan kemudahan manusia memilih cara bermuamalah yang terbaik mengikut keperluan mereka	Contohnya orang kaya boleh mengembangkan hartanya melalui mudharabah manakala orang miskin pula boleh menambahkan modal perniagaan mereka melalui murabahah dan sebagainya.	Dengan kehidupan umat Islam akan lebih teratur dan tenang													
		Untuk memberi peluang kepada manusia melaksanakan aktiviti ekonomi mereka dengan lebih berkesan dan tidak hanya bergantung pada jenis muamalah tertentu sahaja.	Contohnya manusia boleh melakukan pelbagai aktiviti perniagaan untuk mendapatkan wang seperti ijarah, ar-Rahn dan al-bai bithaman ajil dan sebagainya	Kesannya umat Islam berpeluang mengembangkan hartanya dengan pelbagai cara													
		Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (2 isi x 1m, 2 huraian x 1m, 2 kesimpulan x 1 m = 6 m)															
5	a	(i)	Maksud mencuri ialah														
			Mencuri ialah mengambil, merampas harta orang lain tanpa kebenaran daripada pemiliknya yang sah. (1 isi X 2 markah = 2 markah)														
		(ii)	Faedah melaksanakan perundangan Islam kepada masyarakat ialah														
			Masyarakat hidup dengan aman dan harmoni	kerana keadilan dapat ditegakkan	dengan itu tiada lagi berlakunya perbuatan jenayah dalam masyarakat												
			Perbuatan jenayah dapat disekat	daripada berleluasa dalam masyarakat	Dengan itu masyarakat dapat melaksanakan tugas masing-masing dengan tenang												
			Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (2 isi x 1m, 2 huraian x 1m, 2 kesimpulan x 1 m = 6 m)														
	(b)	(i)	Maksud Ijtihad ialah														
			Suatu usaha yang dilakukan secara bersungguh-sungguh untuk menghasilkan penetapan sesuatu hukum syarak berdasarkan al-Quran dan al-Hadis (1 isi X 2 markah = 2 markah)														

Soalan		Isi [1 markah]	Huraian [1 markah]	Huraian Lanjut [1 markah]	Kesimpulan [1 markah]
	(ii)	Dua matlamat ijtihad diharuskan dalam Islam			
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Untuk menyelesaikan masalah yang timbul dalam kalangan umat Islam dengan sempurna 2. Untuk mengelakkan pertikaian dan perpecahan dalam menyelesaikan masalah 3. Untuk menggalakkan umat Islam (para ulama) berfikir untuk mencari hukum yang baru <p style="text-align: center;">(2 isi X 2 markah = 4 markah)</p>			
	(c) (i)	Pengertian sunat ialah			
		Perkara yang sangat digalakkan oleh agama untuk dilakukan dan diberikan pahala serta balasan syurga jika dilakukan perkara tersebut, tetapi tidak berdosa jika perbuatan tersebut ditinggalkan.	<p style="text-align: center;">(1 isi X 2 markah = 2 markah)</p>		
	(ii)	Dua hikmah penetapan hukum sunat ialah			
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Supaya umat Islam sentiasa melakukan kebaikan dan kebajikan 2. Untuk memberi peluang mendapat sebanyak mungkin ganjaran pahala 3. Sebagai satu cara untuk menghapuskan dosa-dosa kecil. <p style="text-align: center;">(2 isi X 2 markah = 4 markah)</p>			
6	a (i)	Dua sebab Islam menggalakkan umatnya mencari harta dengan bekerja			
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Bekerja merupakan tanggungjawab setiap individu bagi memenuhi keperluan peribadi seperti menyara diri sendiri, keluarga dan tuntutan sosial seperti membangunkan ekonomi negara 2. Bekerja merupakan ibadat dalam Islam kerana, orang yang bekerja dikira telah menunaikan satu keperluan fardhu ain, iaitu menyara kaum keluarga 3. Bekerja akan memudahkan umat Islam menunaikan ibadat kepada Allah SWT melalui harta, seperti zakat, bersedekah dan menderma. <p style="text-align: center;">(2 isi X 2 Markah = 4 markah)</p>			
	(ii)	Dua kesan memperolehi harta secara halal kepada pembentukan akhlak seseorang			
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Hidup manusia akan menjadi tenang dan bahagia sepanjang masa kerana tidak terlibat dengan perkara yang diharamkan oleh Allah SWT. 2. Jiwa manusia akan sentiasa tenang kerana hartanya akan diberkati oleh Allah SWT 3. Akan di kasih dan dihormati oleh anggota masyarakat kerana mencari harta secara halal <p style="text-align: center;">(2 isi x 2 m = 4 markah)</p>			
	(b)	Dua cara membelanjakan harta bagi membangunkan masyarakat yang sejahtera			
		<ol style="list-style-type: none"> 1. menginfak harta kepada mereka yang berhak menerimanya Agar dapat meringankan beban mereka 2. Memanfaatkan harta untuk kepentingan orang ramai seperti membina kemudahan awam 3. Melaksanakan tanggungjawab sosial yang dapat mewujudkan perpaduan dalam kalangan manusia seperti sedekah, derma dan wakaf <p style="text-align: center;">(2 isi x 2 m = 4 markah)</p>			
c	(i)	Pengertian makruh ialah			
		Perkara yang sangat digalakan untuk ditinggalkan. Jika ditinggalkan mendapat pahala, tetapi jika dilakukan tidak mendapat sebarang dosa			
	(ii)	Dua contoh perbuatan makruh.			
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Membasuh anggota wuduk melebihi tiga kali 2. Memakai pakaian yang berbau busuk ketika solat berjemaah 3. Memakan bawang ketika hendak solat berjemaah di masjid 4. Tidur secara berlebihan 			

Soalan		Isi [1 markah]	Huraian [1 markah]	Huraian Lanjut [1 markah]	Kesimpulan [1 markah]		
		(2 isi x 2 m = 4 markah)					
	(iii)	kesan melakukan perbuatan makruh kepada individu					
		Akan menghalang seseorang itu daripada mendapat pahala	serta menghampirkan diri kepada perbuatan haram	seperti melakukan pembaziran	Kesannya akan merugikan diri seseorang		
		Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (1 isi x 1m, 1 huraian x 1m, 1 huraian tambahan x 1 m, 1 kesimpulan x 1 m = 4 m)					
7	a	(i) Maksud al-Wadiah ialah					
		Meninggalkan sesuatu barang yang berharga kepada seseorang untuk disimpan dan dijaga. Barang terebut boleh diambil pada bila-bila masa yang dikehendakinya	(1 isi X 2 Markah = 2 m)				
		(ii) Empat jenis muamalah Islam selain dari di atas yang ditawarkan oleh bank Islam di Malaysia					
		1. Al-Mudharabah 2. Al-Bai bithaman ajil 3. Ar-rahn 4. Al-Takaful					
		Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (4 isi X 1 Markah = 4 m)					
	(b)	Keburukan mengabaikan muamalah Islam terhadap negara					
		Sistem ekonomi negara akan rosak	kerana harta kekayaan hanya akan belegar dalam kalangan orang kaya sahaja,	Menyebabkan orang kaya bertambah kaya	Dengan itu pengagihan ekonomi negara tidak seimbang		
		Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (1 isi x 1m, 1 huraian x 1m, 1 huraian tambahan x 1 m, 1 kesimpulan x 1 m = 4 m)					
	(c)	(i) Kepentingan memelihara keturunan menurut Islam					
		Untuk melahirkan zuriat yang halal	menerusi perkahwinan yang menepati kehendak syarak	Dengan itu hak pewarisan harta pusaka akan terjaga.			
		Memelihara kehormatan diri dan keluarga	dari fitnah dan pandangan serong masyarakat	Kesannya keluarga dapat hidup dengan aman dan harmoni			
		Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (2 isi x 1m, 2 huraian x 1m, 2 kesimpulan x 1 m = 6 m)					
		(ii) Dua cara mencapai matlamat tersebut					
		1. Islam mewajibkan umatnya supaya menjauhi perbuatan yang boleh merosakkan keturunan manusia seperti zina, liwat, homoseks dan lesbian 2. Mensyariatkan perkahwinan untuk melahirkan keturunan manusia yang sempurna 3. Islam mengenakan hukuman Hudud seperti sebat atau rejam keatas orang yang berzina.	(2 isi x 2 m = 4 markah)				

SKIMA TAMAT